



ANALISA KECICIRAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR SPM: FAKTOR PENYEBAB DAN PERSPEKTIF BELIA TERHADAP RELEVANSI SPM DALAM ERA MODEN

ANALYTICS OF ACADEMIC DROPOUT AMONG SPM STUDENTS: CONTRIBUTING FACTORS AND YOUTHS' PERSPECTIVES ON THE RELEVANCE OF SPM IN THE MODERN ERA

Mohamad Taha Ijab^{1*}, Muhammad Haiqal Herman², Nur Irdina Qhairunnisa Hafizul Azli³, Siti Nursyuhadah Baharim⁴

¹ Institute of Visual Informatics, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: taha@ukm.edu.my

^{2,3} Faculty of Science and Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: a190435@siswa.ukm.edu.my, a194672@siswa.ukm.edu.my

⁴ Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: a192535@siswa.ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.07.2025

Revised date: 20.08.2025

Accepted date: 03.09.2025

Published date: 30.09.2025

To cite this document:

Ijab, M. T., Herman, M. H., Azli, N. I. Q. H., & Baharim, S. N. (2025). Analisa Keciciran Akademik Dalam Kalangan Pelajar Spm: Faktor Penyebab Dan Perspektif Belia Terhadap Relevansi Spm Dalam Era Moden. *Journal of Information System and Technology Management*, 10 (40), 476-488.

DOI: 10.35631/JISTM.1040032

Abstrak:

Keciciran akademik dalam kalangan pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) semakin membimbangkan dan menjadi isu signifikan dalam sistem pendidikan negara. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor penyebab utama yang mendorong pelajar untuk tidak meneruskan pengajian sehingga ke peringkat SPM serta meneliti perspektif belia terhadap relevansi peperiksaan SPM dalam era moden. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik yang diedarkan kepada 150 responden terdiri daripada pelajar sekolah menengah dan lepasan pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa faktor seperti tekanan emosi, masalah kewangan keluarga, kurang minat terhadap pelajaran, serta pengaruh rakan sebaya memainkan peranan penting dalam mendorong keciciran akademik. Di samping itu, analisis terhadap persepsi pelajar menunjukkan wujudnya perbezaan pandangan terhadap relevansi SPM, di mana sebahagian besar pelajar menganggap SPM masih penting untuk laluan ke pendidikan tinggi, namun terdapat juga golongan yang mempersoalkan keberkesanan sistem peperiksaan tradisional dalam menyediakan pelajar menghadapi cabaran dunia moden. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan, sekolah, dan ibu bapa dalam merangka pendekatan yang lebih

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



holistik untuk menangani isu keciciran dan menambah baik sistem penilaian sedia ada.

Kata Kunci:

Keciciran Akademik, Pelajar SPM, Faktor Penyebab, Relevansi Peperiksaan, Pendidikan Moden

Abstract:

Academic dropout among Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) students is becoming an alarming issue within Malaysia's education system. This study aims to identify the primary contributing factors that lead students to disengage from their studies before completing the SPM examination, and to explore youth perspectives on the relevance of SPM in the modern era. A quantitative approach was employed through the distribution of questionnaires to 150 respondents comprising current and former secondary school students. The findings reveal that emotional pressure, family financial constraints, lack of interest in academics, and peer influence are among the key factors influencing academic dropout. Additionally, the study highlights differing youth perspectives regarding the significance of SPM—while many students still view it as an important gateway to higher education, others question the effectiveness of traditional examination systems in preparing students for the challenges of a modern, dynamic world. The outcomes of this study are expected to assist stakeholders, including the Ministry of Education, schools, and parents, in developing more holistic strategies to address academic dropout and enhance the relevance of student assessment methods.

Keywords:

Academic Dropout, SPM Students, Contributing Factors, Examination Relevance, Modern Education

Pengenalan

Keciciran akademik dalam kalangan pelajar menengah atas, khususnya pelajar yang berada pada tahap akhir iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), merupakan fenomena yang semakin mendapat perhatian dalam isu pendidikan negara. Keciciran ini merujuk kepada situasi di mana pelajar gagal hadir atau memilih untuk tidak menduduki peperiksaan SPM meskipun telah mengikuti pembelajaran hingga ke peringkat Tingkatan 5. Menurut laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2023), terdapat peningkatan ketara dalam bilangan pelajar yang mendaftar tetapi tidak hadir semasa peperiksaan SPM sejak tahun 2020, terutamanya selepas pandemik COVID-19 yang memperlihatkan gangguan serius terhadap pembelajaran formal dan kesejahteraan pelajar secara keseluruhan.

Fenomena ini menimbulkan kebimbangan bukan sahaja dalam kalangan pendidik dan pembuat dasar, tetapi juga ibu bapa dan masyarakat umum. Keciciran SPM bukan sahaja menjejaskan pencapaian akademik individu, malah memberi implikasi besar terhadap peluang pendidikan tinggi, kebolehpasaran kerja dan keupayaan belia untuk menyumbang secara produktif kepada pembangunan negara (Ismail et al., 2022). Dalam banyak kes, keciciran ini berkait rapat dengan pelbagai faktor struktural dan individu, termasuk kesukaran ekonomi, tekanan psikologi,

kurangnya sokongan pembelajaran, serta kegagalan sistem untuk menangani keperluan pelajar berisiko (Rahman & Abdul Aziz, 2023).

Di samping itu, wujud satu perubahan ketara dalam pandangan generasi muda terhadap nilai kelulusan akademik, khususnya SPM. Dalam era moden yang semakin dipacu oleh digitalisasi, ekonomi gig, dan peluang keusahawanan dalam talian, sebahagian pelajar tidak lagi melihat SPM sebagai satu keperluan mutlak untuk berjaya. Kajian oleh Mohamad et al. (2023) menunjukkan bahawa semakin ramai belia mengaitkan kejayaan dengan kemahiran digital, personal branding, dan akses kepada teknologi, bukan semata-mata kelulusan formal. Pandangan ini mencerminkan satu cabaran kepada sistem pendidikan konvensional yang masih meletakkan peperiksaan bertulis sebagai penanda aras utama pencapaian.

Keciciran akademik perlu dilihat sebagai satu gejala sosial yang kompleks dan multidimensi. Ia bukan sahaja berpunca daripada faktor pelajar itu sendiri, tetapi turut melibatkan kegagalan sistem sokongan sedia ada untuk mengesan, memahami dan menangani pelajar berisiko secara menyeluruh dan empati. Dalam konteks ini, kajian ini akan menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam berkenaan faktor-faktor yang mendorong pelajar meninggalkan sistem pendidikan formal sebelum tamat, serta bagaimana mereka menilai relevansi SPM dalam dunia yang semakin berubah. Justeru, memahami realiti pelajar hari ini melalui suara dan perspektif mereka sendiri adalah penting bagi memastikan sistem pendidikan kekal inklusif, berdaya tindak dan selaras dengan aspirasi generasi muda.

Kajian Literatur

Keciciran akademik dalam kalangan pelajar menengah merupakan isu yang semakin mendapat perhatian dalam bidang pendidikan di Malaysia dan di peringkat global. Menurut Abdullah dan Ahmad (2020), keciciran merujuk kepada kegagalan pelajar untuk menyempurnakan pendidikan formal hingga ke tahap minimum yang ditetapkan oleh sistem pendidikan negara, iaitu SPM bagi konteks Malaysia.


Faktor yang menyumbang kepada keciciran akademik adalah pelbagai, termasuk masalah ekonomi, latar belakang keluarga, tekanan emosi dan mental, serta ketiadaan motivasi dalaman (Yusof et al., 2019). Kajian oleh Zainal dan Hashim (2021) mendapati bahawa pelajar dari keluarga B40 lebih berisiko untuk tercicir daripada sistem pendidikan disebabkan kekangan kewangan, tanggungjawab menjaga keluarga, dan kekurangan sokongan pembelajaran di rumah. Di samping itu, faktor psikososial seperti tekanan rakan sebaya dan kurangnya bimbingan juga memainkan peranan penting (Rahman & Noor, 2022). Dalam kajian mereka terhadap pelajar Tingkatan 4 dan 5 di kawasan luar bandar, didapati bahawa pelajar yang menghadapi tekanan sosial lebih cenderung untuk tidak hadir ke sekolah dan mempunyai kecenderungan untuk berhenti belajar.

Berhubung dengan relevansi SPM, sebahagian pelajar mempersoalkan keberkesanan sistem peperiksaan ini dalam menyediakan mereka untuk realiti masa depan yang lebih kompleks dan fleksibel. Kajian oleh Tan dan Lee (2023) menunjukkan bahawa pelajar aliran vokasional dan teknikal merasa sistem penilaian berasaskan peperiksaan kurang mencerminkan kemahiran sebenar yang diperlukan dalam kerjaya. Dalam dunia moden yang berorientasikan kemahiran, semakin ramai pihak mencadangkan penilaian yang lebih holistik dan berterusan seperti projek, kerja lapangan dan e-portfolios (Mohamad & Chong, 2021).

Secara keseluruhannya, kajian lepas menunjukkan bahawa keciciran akademik bukan sahaja berpunca daripada kelemahan individu pelajar, tetapi juga sistem sokongan pendidikan yang tidak responsif terhadap keperluan pelajar dari latar belakang berbeza. Ini menuntut pembaharuan dalam sistem penilaian seperti SPM agar lebih inklusif, fleksibel dan sejajar dengan keperluan semasa.

Metodologi Kajian

Kajian ini melaksanakan metodologi kajian seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1. Terdapat empat fasa utama yang terlibat iaitu dimulakan dengan pengumpulan data, diikuti oleh penyediaan data, analisis data dan akhirnya keputusan analisis.



Rajah 1: Metodologi Kajian

Fasa pertama melibatkan pengumpulan data primer dan sekunder. Data primer dikumpulkan melalui kaedah soal selidik dan temu bual. Soal selidik dibina menggunakan Google Forms dan diedarkan secara atas talian melalui platform media sosial seperti WhatsApp, Facebook, dan Instagram. Sasaran utama responden ialah golongan belia berumur 15 tahun ke atas, termasuk pelajar, lepasan sekolah, dan individu yang tidak menduduki peperiksaan SPM. Soal selidik ini direka untuk mengenal pasti faktor-faktor penyumbang kepada keciciran SPM serta persepsi mereka terhadap kepentingan SPM dalam era moden. Temu bual pula dilakukan bersama seorang guru untuk mengetahui info-info lanjut berkenaan pelajar yang keciciran. Manakala data sekunder diperoleh daripada sumber rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. Tujuan pengumpulan data sekunder ini adalah untuk menyokong dan memperkukuh penemuan daripada data primer serta menyediakan konteks nasional terhadap trend keciciran yang sedang berlaku.

Seterusnya, dalam fasa penyediaan data, semua data daripada soal selidik dan sumber sekunder telah dihimpuikan dan diuruskan menggunakan aplikasi Microsoft Excel. Data daripada Google Forms direkod secara automatik dalam lembaran Excel, manakala maklumat daripada sumber sekunder dimasukkan secara manual. Proses ini bertujuan untuk memudahkan penstrukturan dan integrasi data bagi tujuan analisis.

Bagi fasa analisis data, kaedah analisis secara deskriptif digunakan untuk mengenal pasti corak dan trend dalam data yang diperoleh. Data yang terkumpul dianalisis berdasarkan kekerapan, peratusan dan taburan respon menggunakan perisian Excel. Analisis ini memberikan gambaran awal tentang faktor penyebab keciciran serta pandangan belia terhadap relevansi SPM. Soalan dalam borang soal selidik telah disusun dalam bentuk skala Likert dan pilihan jawapan tertutup bagi memudahkan pengukuran persepsi dan sikap responden.

Akhir sekali, keputusan analisis dipersembahkan dalam bentuk carta pai (pie chart) bagi menunjukkan peratusan dan kecenderungan respon terhadap setiap item dalam soal selidik. Visualisasi ini membantu dalam menjelaskan dapatan kajian secara jelas, berfakta dan mudah difahami oleh pembaca. Kaedah ini membolehkan penyelidik mengenal pasti faktor dominan yang menyumbang kepada keciciran pelajar daripada menduduki SPM serta memahami naratif perubahan persepsi generasi muda terhadap pendidikan formal. Kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran menyeluruh serta mencadangkan langkah penyelesaian yang relevan dan efektif untuk isu keciciran akademik dalam konteks semasa.

Hasil Analisis Kajian

Laporan Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia 2018-2023

Setiap tahun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengeluarkan laporan rasmi berkaitan jumlah calon yang mendaftar dan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Rajah 1 memaparkan jumlah pendaftaran dan ketidakhadiran calon SPM dari tahun 2018 hingga 2023. Pada tahun 2018, jumlah pendaftaran calon adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 421,706 orang, manakala tahun 2020 mencatatkan jumlah pendaftaran terendah iaitu 401,105 orang. Dari segi ketidakhadiran, tahun 2018 merekodkan bilangan tertinggi dengan 30,065 calon tidak hadir, manakala tahun 2023 mencatatkan jumlah ketidakhadiran paling rendah iaitu seramai 10,160 orang calon.




Rajah 2: Graf Perbandingan di antara Pelajar yang Mendaftar dan Pelajar yang Tidak Hadir SPM dari Tahun 2018 hingga 2023

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

Analisis Jantina Responden


Bagi pelaksanaan soal selidik, borang dalam talian telah digunakan iaitu platform Google Forms dan berjaya mendapatkan maklum balas daripada seramai 14 orang responden. Bilangan asal responden yang diingini adalah 40 hingga 50 orang, namun atas kekangan masa, hanya 14 orang saja responden yang menjawabnya. Soal selidik ini diedarkan kepada pelajar dan belia yang berkaitan dengan topik kajian, iaitu ketidakhadiran dan persepsi terhadap peperiksaan SPM. Berdasarkan maklumat demografi yang dikumpul, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3, didapati bahawa majoriti responden adalah perempuan, iaitu sebanyak 64.3%, manakala selebihnya 35.7% adalah lelaki.



Rajah 3: Carta Pai bagi Jantina Responden


Analisis Umur Responden

Rajah 4 pula menunjukkan bahawa hanya terdapat dua kumpulan umur utama dalam kalangan responden yang menjawab soal selidik ini. Seramai 57.1% daripada responden terdiri daripada golongan yang berumur 19 tahun dan ke atas, manakala 42.9% lagi merupakan pelajar berumur 16 tahun. Pembahagian umur ini menunjukkan bahawa soal selidik telah berjaya melibatkan kedua-dua belia lepasan sekolah dan pelajar yang masih berada di peringkat persekolahan. Hal ini penting kerana ia dapat memberikan perspektif yang lebih seimbang dalam memahami pandangan terhadap relevansi SPM, sama ada daripada mereka yang telah melaluinya atau yang sedang membuat persediaan untuk menghadapi peperiksaan tersebut.



Rajah 4: Carta Pai bagi Umur Responden

Analisis Mengenai Faktor Keciciran Pelajar SPM




Rajah 5: Faktor Keciciran Pelajar SPM

Berdasarkan Rajah 5, didapati bahawa faktor yang paling dominan menyumbang kepada keciciran pelajar di sekolah adalah kurang minat terhadap pelajaran, seperti yang dinyatakan oleh 11 daripada 14 responden (78.6%). Faktor kedua tertinggi adalah faktor ekonomi keluarga, yang dipilih oleh 10 responden (71.4%). Seterusnya, sistem pembelajaran yang membosankan atau tidak menarik turut dikenal pasti sebagai penyumbang utama, dengan 8 responden (57.1%) bersetuju bahawa gaya pengajaran tradisional mungkin tidak lagi berkesan dalam mengekalkan minat pelajar pada masa kini. Masalah sosial seperti buli, gengsterisme, dan pengaruh dadah turut dikesan sebagai faktor penting, dengan 7 responden (50%) memilih kategori ini. Ini menunjukkan bahawa persekitaran sosial pelajar juga memberi impak besar terhadap kehadiran dan penglibatan mereka di sekolah. Manakala kurangnya sokongan guru, masalah kesihatan mental, dan kekurangan aktiviti menarik di sekolah masing-masing dipilih oleh 6 responden (42.9%), menandakan bahawa pelajar mungkin berasa kurang diberi perhatian atau tidak terlibat secara aktif dalam suasana sekolah yang menyokong pembangunan menyeluruh mereka.

Analisis Mengenai Relevansi SPM Di Masa Kini


Merujuk kepada Rajah 6, majoriti responden dalam kajian ini berpandangan bahawa sistem peperiksaan SPM masih sangat relevan untuk masa depan mereka, seperti yang ditunjukkan oleh 78.6% responden. Sementara itu, seramai 14.3% responden berpendapat bahawa SPM hanya agak relevan, menandakan wujudnya pandangan yang lebih seimbang dan kritikal terhadap sistem peperiksaan ini. Hanya seorang responden (7.1%) menyatakan bahawa SPM tidak relevan, dan tiada responden yang memilih pilihan “tidak pasti”.



Rajah 6: Relevansi SPM di Masa Hadapan

Analisis Tujuan Utama Menduduki SPM


Berdasarkan Rajah 7, didapati bahawa kesemua 9 responden (100%) bersetuju bahawa tujuan utama mereka menduduki peperiksaan SPM adalah sebagai syarat untuk melanjutkan pengajian ke universiti atau kolej. Selain itu, 66.7% responden turut memilih tujuan menduduki SPM adalah untuk memohon pekerjaan dan mendapatkan pengiktirafan pencapaian akademik. Sebanyak 44.4% responden menyatakan bahawa mereka menduduki SPM untuk memenuhi kehendak ibu bapa atau sekolah. Menariknya, terdapat seorang responden (11.1%) yang mengakui tidak pasti akan tujuan sebenar mereka menduduki SPM. Walaupun jumlah ini kecil, ia penting kerana mencerminkan wujudnya sebilangan pelajar yang mungkin kurang pendedahan atau kesedaran tentang hala tuju pendidikan mereka.



Rajah 7: Tujuan Utama Responden Menduduki SPM

Analisis Kepentingan SPM di Masa Hadapan

Berdasarkan dapatan daripada 14 orang responden, didapati bahawa mereka memberikan dua pandangan berbeza berkaitan dengan sejauh mana keputusan SPM menentukan kejayaan dalam kehidupan. Seramai 44.4% responden menyatakan bahawa keputusan SPM sangat menentukan kejayaan masa hadapan, menandakan bahawa mereka melihat peperiksaan ini sebagai satu titik tolak penting dalam membentuk laluan kerjaya dan pendidikan mereka. Walau bagaimanapun, majoriti responden iaitu 55.6% berpendapat bahawa keputusan SPM sememangnya penting tetapi tidak menjamin kejayaan hidup secara mutlak.



Rajah 8: Kepentingan SPM untuk Menentukan Kejayaan Hidup

Analisis Temubual Bersama Guru

Sebelum melakukan temubual, identiti guru dan tempat beliau bertugas diminta untuk dirahasiakan oleh guru tersebut sendiri. Berdasarkan temubual yang dijalankan bersama seorang beliau menyatakan bahawa isu keciciran pelajar di sekolah berlaku dalam skala kecil tetapi konsisten dengan sekitar tiga hingga lima pelajar setiap tahun tidak hadir menduduki peperiksaan SPM walaupun telah mendaftar. Menurut beliau, antara faktor utama yang mendorong pelajar tercicir termasuklah masalah kewangan keluarga, kurang minat terhadap pembelajaran, pengaruh negatif rakan sebaya, serta masalah disiplin dan ponteng sekolah. Beliau turut menjelaskan bahawa kebanyakan pelajar yang tercicir datang daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) dan mempunyai pencapaian akademik yang lemah, selain menunjukkan tanda-tanda kehilangan motivasi seawal Tingkatan Empat. Untuk menangani isu ini, pihak sekolah telah melaksanakan beberapa intervensi seperti program motivasi, sesi kaunseling individu, kelas tambahan percuma, serta lawatan ke rumah pelajar. Namun begitu, beliau mengakui bahawa terdapat beberapa cabaran utama seperti kekangan masa, kekurangan tenaga pengajar, dan kurangnya penglibatan ibu bapa, selain sebilangan pelajar yang menolak bantuan yang disediakan. Sebagai cadangan, beliau mencadangkan agar pihak berwajib menyediakan lebih banyak program sokongan seperti biasiswa khas, program mentor-mentee, serta laluan pendidikan alternatif seperti vokasional, di samping memperkukuh penglibatan komuniti dalam usaha menangani keciciran pelajar secara menyeluruh.

Perbincangan Kajian

Kajian ini meneliti isu ketidakhadiran pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan persepsi mereka terhadap relevansi peperiksaan tersebut dalam era pendidikan moden. Hasil kajian berdasarkan soal selidik, temu bual guru, dan data rasmi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendedahkan bahawa isu ketidakhadiran pelajar berlaku secara konsisten setiap tahun walaupun terdapat usaha pelbagai pihak untuk menanganinya. Daripada laporan KPM bagi tempoh 2018 hingga 2023, jumlah calon yang tidak hadir menduduki SPM menurun daripada 30,065 orang pada tahun 2018 kepada 10,160 orang pada tahun 2023 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Walaupun trend ini menunjukkan penurunan, jumlah ketidakhadiran yang masih tinggi secara mutlak mencerminkan bahawa isu ini belum diselesaikan sepenuhnya. Apa yang menarik, pola ini turut seiring dengan peralihan besar dalam sistem pendidikan negara, terutamanya selepas negara dilanda pandemik COVID-19 pada tahun 2020.

Kehadiran COVID-19 telah memberi kesan besar kepada landskap pendidikan nasional dan global. Sekolah ditutup dalam tempoh yang panjang, dan pelajar terpaksa mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) yang secara tidak langsung memberi impak kepada motivasi, pencapaian akademik dan kehadiran pelajar ke sekolah selepas sesi persekolahan dibuka semula (Syufian, Nordin, & Tauji, 2022; Wider, Chua, & Mutang, 2023). Bagi pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah, kekangan seperti ketiadaan peranti, capaian internet yang lemah, dan persekitaran rumah yang tidak kondusif turut menjadi faktor utama yang menyebabkan mereka ketinggalan dalam pembelajaran (Choong, 2021; Mohammad Faisal et al., 2023). Keadaan ini memberi kesan langsung kepada tahap kesiapsiagaan pelajar untuk menduduki SPM, dan berkemungkinan menjadi punca sebilangan calon memilih untuk tidak hadir.

Tambahan pula, penghapusan dua peperiksaan penting iaitu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3, sebelum ini PMR) turut membawa implikasi besar terhadap struktur sistem penilaian sedia ada. Pelajar yang kini tidak lagi melalui pengalaman peperiksaan berskala besar sebelum SPM mungkin kurang bersedia dari segi mental dan emosi apabila berhadapan dengan tekanan peperiksaan besar buat kali pertama (Mohamad, Lim, & Roslan, 2023; Mokshein, Wong, & Ibrahim, 2018). Ini dapat dikaitkan dengan dapatan soal selidik kajian ini, di mana faktor tekanan akademik dan kurang motivasi merupakan antara punca utama ketidakhadiran. Tanpa adanya pentaksiran berperingkat, pelajar mungkin kurang memahami kepentingan membina disiplin dan strategi pembelajaran yang konsisten dalam menghadapi peperiksaan besar seperti SPM.

Hasil soal selidik seperti yang dipaparkan dalam Rajah 5 menunjukkan bahawa sebanyak 78.6% responden menyatakan kurang minat terhadap pelajaran sebagai faktor utama yang menyumbang kepada keciciran, diikuti oleh faktor ekonomi keluarga (71.4%) dan sistem pembelajaran yang membosankan (57.1%). Selain itu, faktor lain seperti masalah sosial (50%), kurang sokongan guru (42.9%), tekanan mental, dan kekurangan aktiviti menarik di sekolah turut dikenal pasti sebagai pendorong kepada keciciran (Rahman & Abdul Aziz, 2023; Rahman & Noor, 2022; Abdullah & Ahmad, 2020). Ini jelas menunjukkan bahawa isu keciciran pelajar merupakan masalah pelbagai dimensi yang melibatkan aspek psikososial, sistem pendidikan yang tidak fleksibel serta cabaran dari luar persekitaran sekolah.

Dalam aspek persepsi terhadap SPM, analisis soal selidik menunjukkan bahawa 78.6% responden menganggap SPM sangat relevan, manakala 55.6% bersetuju bahawa ia penting tetapi tidak menjamin kejayaan hidup sepenuhnya. Ini memperlihatkan wujudnya peralihan minda dalam kalangan generasi pelajar moden, yang melihat kejayaan tidak semata-mata ditentukan oleh keputusan peperiksaan, tetapi juga melalui penguasaan kemahiran, pengalaman dan adaptasi terhadap keperluan dunia sebenar (Tan & Lee, 2023; Ismail, Halim, & Hassan, 2022). Walaupun begitu, kesemua responden bersetuju bahawa SPM masih menjadi prasyarat penting untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi, sekali gus menjelaskan kenapa ia masih dianggap sebagai platform utama dalam laluan pendidikan formal.

Pandangan seorang guru yang ditemu bual turut menguatkan dapatan ini apabila beliau menjelaskan bahawa pelajar yang tercicir kebanyakannya datang daripada kumpulan B40 dengan prestasi akademik yang lemah serta motivasi yang rendah. Walaupun pelbagai intervensi seperti kelas tambahan, kaunseling dan lawatan rumah telah dilaksanakan, kekurangan masa, kekurangan tenaga pengajar serta kurangnya penglibatan ibu bapa menjadi cabaran utama dalam usaha menangani masalah ini (Zainal & Hashim, 2021; Yusof, Lim, & Kamal, 2019). Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat penurunan kadar ketidakhadiran secara keseluruhan seperti yang direkodkan oleh KPM, masih wujud jurang ketara antara dasar yang dirancang dan realiti pelaksanaannya di peringkat sekolah.

Bagi menangani isu ketidakhadiran calon SPM, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan pelbagai program berasaskan data daripada Aplikasi Pengurusan Ketidakhadiran ke Sekolah Semasa Peperiksaan. Menurut analisis terkini, faktor utama yang menyumbang kepada ketidakhadiran termasuklah bekerja, masalah keluarga, masalah kesihatan, kematian dan perpindahan ke luar negara. Sebagai respon, KPM mengaktifkan Task Force Intervensi Murid Berisiko Cicir SPM di semua peringkat, selain melaksanakan pemantauan harian kehadiran pelajar dan mengadakan Dialog Prestasi Nasional. Pendekatan berfokus turut dilaksanakan melalui program seperti Ziarah Cakna, konsultasi ibu bapa dan permuafakatan komuniti sekolah. Di peringkat dasar pula, KPM sedang dalam proses meminda Akta Pendidikan 1996 melalui Rang Undang-Undang (RUU) Pendidikan yang akan memperluas skop Dasar Pendidikan Wajib daripada hanya pendidikan rendah kepada pendidikan menengah, selaras dengan hasrat negara untuk memastikan akses pendidikan yang lebih menyeluruh dan menangani isu keciciran pelajar secara sistemik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa isu ketidakhadiran dalam SPM tidak boleh dilihat secara berasingan daripada perubahan struktur pendidikan negara, faktor luaran seperti pandemik, dan cabaran sosioekonomi yang dihadapi oleh pelajar. Walaupun langkah seperti penghapusan peperiksaan rendah bertujuan memberi ruang kepada pentaksiran lebih holistik, ia perlu disokong dengan sistem sokongan yang mantap. Kajian ini mencadangkan agar pihak kementerian dan sekolah memperkukuh program intervensi bersasar, menyediakan lebih banyak laluan alternatif seperti TVET dan Sijil Kemahiran Malaysia, serta memperkenalkan bimbingan kerjaya yang lebih awal dan menyeluruh agar pelajar dapat membuat keputusan berdasarkan minat dan kebolehan sebenar mereka.

Kesimpulan

Kajian ini telah mengenal pasti bahawa keciciran akademik dalam kalangan pelajar SPM berpunca daripada pelbagai faktor yang saling berkait seperti tekanan emosi, masalah kewangan keluarga, kurangnya minat terhadap pembelajaran, serta pengaruh rakan sebaya. Penemuan ini walaupun hanya berdasarkan sampel data yang relatifnya kecil, namun dapatan kajian menunjukkan bahawa isu keciciran bukan hanya disebabkan oleh kelemahan individu, tetapi turut dipengaruhi oleh persekitaran sosial dan ekonomi. Dalam masa yang sama, persepsi belia terhadap peperiksaan SPM adalah bercampur-campur. Sebahagian besar masih mengiktiraf kepentingan SPM sebagai laluan ke pendidikan tinggi dan kerjaya, namun terdapat juga pelajar yang mempertikaikan keberkesanan sistem peperiksaan tradisional dalam menyediakan mereka untuk cabaran abad ke-21. Oleh itu, pendekatan bersepadu perlu dirangka oleh pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan, pihak sekolah, dan ibu bapa serta pihak berkepentingan lain seperti bakal majikan, pembuat polisi dan agensi bukan kerajaan dalam mengekang keciciran akademik. Ini termasuk penyediaan sokongan emosi, bantuan kewangan, bimbingan kerjaya, dan penambahbaikan kepada sistem penilaian agar lebih inklusif dan bersifat holistik.

Penghargaan

Kajian yang dijalankan ini adalah dibawah pembiayaan kod penyelidikan TAP-K021538.

Rujukan

- Abdullah, Noraini & Ahmad, Razali. (2020). Keciciran Pelajar di Sekolah Menengah: Kajian Kes di Lembah Klang. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(2), 45–56.
- Choong, Pua Yuen. (2021). The Prolonged Disruption of School Life during COVID-19 and Its Impact on Youth Mental Health. Penang Institute Report.
- Ismail, Norazah & Halim, Lim & Hassan, Mohd Nazri. (2022). The Impact of Academic Disengagement on Youth Employability in Malaysia. *Malaysian Journal of Education*, 47(2), 45–56.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). Laporan Tahunan Pendidikan 2022. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024). *Jawapan bertulis Parlimen berkenaan isu ketidakhadiran calon SPM dan cadangan pindaan Akta Pendidikan*. Retrieved from <https://www.parlimen.gov.my/>
- Mohamad, Azlan Ridzuan & Lim, Siew Yin & Roslan, Rohana. (2023). SPM vs Skill: Belia dan Pandangan terhadap Laluan Pendidikan Formal. *Southeast Asian Social Science Review*, 5(1), 77–89.
- Mohamad, Sufian & Chong, Lay Peng. (2021). Rethinking Assessments: Beyond Exams towards Holistic Education. *Malaysian Journal of Educational Policy*, 8(2), 90–105.
- Mohammad Faisal, Nurul Nadia & Megat Abdul Rahim, Putri Ruzana & Mohd, Tarmizi & Kaeni, Nur Fatin. (2023). Post-Pandemic Behavioral Trends of School Dropouts. *Journal of Asian Behavioural Studies*, 8(26), 41–55.
- Mokshein, Saidatul Erma & Wong, Kuan Tiong & Ibrahim, Haslina. (2018). Trends and Factors for Dropout among Secondary School Students in Perak. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 6(1), 5–15.
- Rahman, Mohd Azlan & Abdul Aziz, Noraini. (2023). Understanding Dropout Factors among Secondary School Students: A Mixed-Methods Analysis. *International Journal of Education and Society*, 10(3), 90–106.

- Rahman, Nur Fadilah & Noor, Hasmiza Mohd. (2022). Tekanan Sosial dan Kesannya terhadap Kehadiran ke Sekolah. *Southeast Asian Journal of Youth Studies*, 4(2), 21–33.
- Syufian, Siti Aminah & Nordin, Nor Azura & Tauji, Siti Sakinah Najwa. (2022). The Impacts of COVID-19 to the Situation of Malaysian Education. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 9(2).
- Tan, Sheryl Wai & Lee, Michelle Kah. (2023). Student Perception of the SPM Examination in Preparing for Real-World Skills. *Asian Education Review*, 12(1), 14–25.
- Wider, William & Chua, Bee Seok & Mutang, Jayum Akwel. (2023). Secondary School Students' School-Related Stressors during the Coronavirus Disease (COVID-19) Pandemic in Sabah, Malaysia. *Frontiers in Education*, 8, Article 1138226.
- Yusof, Hafizah & Lim, Yew Mei & Kamal, Siti Aisyah. (2019). Faktor Keciciran dalam Pendidikan Menengah: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Education and Social Science*, 6(1), 34–40.
- Zainal, Azizan & Hashim, Mazlan. (2021). Kemiskinan dan Prestasi Pendidikan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities*, 6(3), 67–78